

Oleh : Airinulniza Mohd Yusof

ARAU: Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus komited dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang sihat dan kondusif melalui pelaksanaan amalan lestari membabitkan warga kampus berkenaan.

Melalui usaha yang dimulakan sekitar 10 tahun lalu itu, UniMAP memberi penekanan kepada beberapa aspek utama iaitu menghidupkan kawasan kampus, menjimatkan sumber tenaga, menggalakkan amalan kitar semula dan memupuk kesedaran umum mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Terbaharu, UniMAP mengambil langkah mengharamkan penggunaan bekas makanan polisterin dan straw plastik di seluruh kampus dan mengenakan denda bagi kesalahan berkenaan.

Prof Dalin Dr Zuraidah Mohd Zin yang mewakili Pasukan Kampus Lestari UniMAP berkata kampaian larangan penggunaan polisterin sudah lama dilakukan dan tindakan denda akan dikenakan kepada individu yang ingkar mulai 1 Januari depan selepas mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

"Denda yang dikenakan itu adalah RM300, sama ada penjual sahaja didenda atau pembeli turut dikenakan denda kita akan maklum kemudian.

"Ini sebahagian daripada usaha kita untuk melestarikan kampus. Kita akui sebelum ini ada kekangan kerana masih ada segelintir belum memahaminya, namun saya yakin menerusi kempen berterusan lama kelamaan semua pihak akan memahami kepentingan usaha yang kita lakukan ini," katanya.

Katanya, UniMAP juga beruntung kerana mendapat sokongan daripada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail iaitu Canselor dalam usaha menjayakan agenda kampus lestari ini.

Bellau berkata dewasa ini langkah beberapa kerajaan negeri memberi penumpuan terhadap dasar pengheraman penggunaan polisterin dan beg plastik pakai-buang di negeri masing-masing sebelum ini juga memudahkan warga kampus memahami lebih jelas usaha yang dilakukan pihak universiti.

"Hasrat kita dalam mendidik warga kampus dan pihak yang berurusan dengan UniMAP nampaknya sudah membuahkan hasil, di mana jumlah penggunaan polisterin sudah berkurangan.

"Ini dapat dilihat pada Majlis Korvoksyen tahun lalu iaitu daripada lebih 10 penguasaha makanan hanya dua sahaja masih menggunakan polisterin, itu pun kerana mereka peniaga luar, bagi peniaga di dalam kampus mereka tidak lagi menggunakan bahan plastik berkenaan.

"Malah, ada juga penguasaha kafe di dalam kampus memberi diskaun 20 sen kepada pelanggan yang membeli makanan secara bungkus dengan membawa bekas sendiri," katanya.

Katanya, diharapkan kejayaan konsep kampus lestari itu menjadi titik tolak untuk memupuk kesedaran umum khususnya dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

